

10/01/2004

Ella terharu Simbiosis dapat sambutan

Zul Husni Abdul Hamid

SINAR 2004 yang diramal memberi harapan baru kepada penggiat industri memberi sedikit kelebihan kepada Ratu Rock, Ella yang kini muncul dengan album terbarunya, Simbiosis.

Album itu menemui peminat ketika 2003 hampir menutup tirainya. Ella ternyata tidak menghadapi masalah dan biarpun masih baru di pasaran, album itu mencecah jualan 15,000 unit.

Perkara itu mungkin bukan baru bagi Ella yang sudah 17 tahun berada dalam industri. Berbekalkan pengalaman dan pencapaian membanggakan, Ella terus meniti pada tahap selesa dan berada dalam kelompok terbaik.

Semua kejayaan itu, kata Ella, bukan hasil usahanya bersendirian.

Penyanyi yang kini menyerlah semula menerusi lagu Simbiosis berkata, dia tidak pernah lupa kepada insan yang banyak membantunya untuk berada di puncak kejayaan.

Justeru, sempena pelancaran album terbarunya itu, Ella mengambil keputusan untuk meraikan detik bersejarah dalam hidupnya itu sambil disaksikan peminat yang menjadi tonggak kejayaannya selama ini.

"Ella terharu kerana album ini menerima sambutan menggalakkan peminat. Walaupun promosi menyeluruh dan agresif baru bermula, peminat sudah menyedari kehadiran Simbiosis. Ia cukup menggembirakan," katanya.

Pada majlis itu, Ella dengan gaya manja dan senyuman yang tidak lekang dari bibir turut menghiburkan peminat dengan empat lagu termasuk Simbiosis, Hanya Pada Kamu, Luka Terbisa dan Ulik Mayang.

Penyanyi yang pernah dipilih sebagai role model oleh Yayasan Kebajikan Negara ini juga berkongsi keriangannya bersama peminat dengan pelancaran laman web rasminya, [www.ellaonline.net](http://www.ellaonline.net).

"Laman web ini dapat bertindak sebagai saluran untuk peminat menyatakan suara hati mereka mengenai Ella. Ia juga dilihat peluang Ella untuk lebih mendekatkan diri dengan peminat dari seluruh pelosok," katanya.

Ella berkata, proses pembangunan laman web diadakan dari semasa ke semasa dan untuk permulaan, mereka menyediakan halaman seperti biodata, multimedia, lirik dan diskografi.

"Ella juga ada perancangan untuk menubuhkan kelab peminat. Namun, proses ini bukan mudah kerana memerlukan ramai tenaga kerja. Buat sementara ini, Ella cuba mengumpul data peminat yang melayari laman web.

"Dari situ, barangkali dengan disokong tenaga kerja yang baik, infrastruktur kelab peminat dapat dibina dengan baik. Namun, bukan pada masa terdekat ini kerana Ella sibuk dengan promosi album," katanya.

Simbiosis diterjemahkan Ella sebagai hubungan sesama insan, namun dilihat pada perspektif yang lebih luas kerana baginya, muzik bersifat sejagat dan mampu menyatukan semua.

Album itu menampilkan penerbit seperti Ajai, Fauzi Marzuki, Edrie Hashim, Andy (Flop Poppy), Aji dan Kelly. Sebagai kelainan, Ella merakamkan lagu tradisional, Ulik Mayang yang diberi nafas rock oleh Edrie Hashim.

"Ella menyerahkan tugas itu kepada Edrie kerana antara kami ada 'chemistry'. Lagu ini unik dan Ella tertarik dengan melodi, jalan cerita dan liriknya. Elok untuk diketengahkan kerana Malaysia kaya dengan khazanah lagu tradisional berkualiti," katanya.

Ella berkata, album ini juga bersifat peribadi. Justeru, dia mengabadikan penghargaan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dengan merakamkan dua lagu popular, Legenda 25 dan Standing In The

Eyes Of The World.

"Ella berbangga berada di bawah kepemimpinannya dan kini nama Malaysia terpahat di peta dunia walaupun pada dasarnya, negara ini adalah kecil," katanya mengenai album yang memuatkan 13 lagu.